

**SPESIFIKASI PIAWAIAN DAN GRED TEMBIKAI**  
**Standard FAMA FS002 - 2000**

**1. SKOP**

Spesifikasi piawaian dan gred ini adalah untuk buah Tembikai (*Citrullus vulgaris* Linn) dari varieti isi merah atau kuning, meliputi Tembikai tanpa biji dan berbiji yang dipasarkan untuk kegunaan segar. Di Malaysia ia dikenali juga sebagai Semangka, Melikai dan juga Timun Cina.

**2. DEFINASI TERMA**

Bagi tujuan spesifikasi tersebut, terma-terma yang digunakan akan bermaksud:

- 2.1 Kematangan - Terdiri daripada tiga (3) indeks kematangan seperti berikut:
  - 2.1.1 Indeks 1 - Tidak matang. Kematangan < 70%. Isi berwarna lebih banyak putih daripada merah, agak rangup, pejal dan tidak banyak jus. Rasanya kurang manis.
  - 2.1.2 Indeks 2 – Matang. Kematangan 70 - 90%. Isi berwarna lebih banyak merah daripada putih, rangup, pejal dan bersari. Rasanya manis.
  - 2.1.3 Indeks 3 - Terlalu masak. Kematangan > 90%. Isi berwarna agak merah kehitaman, kurang pejal atau rangup, lembik serta lecap. Rasanya agak tawar kemasaman, bangar dan kurang enak.
  - 2.1.4 Kematangan seragam - Konsainan dianggap seragam jika mempunyai satu indeks atau gabungan indeks yang hampir seperti 1 dan 2, atau 2 dan 3 dalam satu-satu lot.
- 2.2 Segar - Tembikai segar mempunyai permukaan kulit yang cerah dan berkilat serta tekstur isi yang rangup.
- 2.3 Kotor - Tembikai yang terdapat kesan-kesan bahan asing yang tidak dibersihkan seperti kesan sarang serangga, tanah, sisa-sisa racun perosak dan lain-lain bahan asing.
- 2.4 Kecacatan – Tembikai yang mempunyai tanda-tanda yang menjelaskan keseluruhan rupa termasuk, kotor, cacat dan cacat rupa.
  - 2.4.1 Cacat - Tembikai berkenaan mempunyai kesemua atau salah satu sifat-sifat berikut;
    - i. Tembikai berkenaan mempunyai warna kulit yang tidak normal bagi varieti berkenaan.

- ii. Berbentuk tidak normal bagi varieti berkenaan seperti bengkok, kerekot, melekuk, terbantut atau bentuk yang tidak sempurna yang menjelaskan rupa dan juga kualiti isi.
  - iii. Isi berongga - Tembikai berkenaan memberikan kesan bunyi yang kosong (lampung) apabila ditepuk dengan tangan. Tangkai buah biasanya masih berwarna hijau segar dan juga agak ringan daripada biasa bagi saiz Tembikai berkenaan.
  - iv. Kesan melecet atau lecar disebabkan oleh himpitan atau hentakan yang menjelaskan lapisan luar buah tetapi tidak menjelaskan isi serta tidak mengalami keretakan.
- 2.4.2 Cacat rupa - Tanda-tanda yang mencacatkan rupa luaran seperti berbintik, karat, nyahwarna luar biasa, menggerutu, berparut dan mengelupas pada bahagian lapisan luar kulit, tetapi tidak menjelaskan isi buah. Kesan ini meliputi lebih 10% pada permukaan kulit buah.
- 2.5 Rosak – Sebarang kecederaan atau kerosakan berikut disebabkan oleh serangga atau haiwan perosak, penyakit, kecederaan mekanikal pengendalian yang akan menjelaskan jangkahayat, keseluruhan rupa , pemakanan dan kualiti.
- 2.5.1 Mengalami kecederaan mekanikal yang melibatkan bahagian isi seperti luka atau retak.
  - 2.5.2 Kecederaan yang disebabkan oleh gigitan atau mempunyai lubang yang dalam kesan korekan serangga pengorek buah.
  - 2.5.3 Bahagian kulit luar Tembikai berkenaan agak lembut bila ditekan akibat kesan himpitan yang kuat atau terhentak tetapi tidak mengalami keretakan pada kulit buah.
  - 2.5.4 Buah Tembikai yang berpenyakit disebabkan oleh jangkitan organisme mikro.

### **3. KEPERLUAN MINIMUM**

- 3.1 Agak bebas daripada rosak disebabkan oleh kecederaan mekanikal, perosak dan penyakit.
- 3.2 Agak bebas daripada kecacatan dan sesuai untuk dimakan oleh manusia.
- 3.3 Telah mencapai tahap kematangan yang mencukupi seperti yang dikehendaki oleh pasaran. Kandungan bahan pepejal larut  $> 10^{\circ}$  Brix.

#### 4. PENGELASAN GRED DAN SAIZ

4.1 Tembikai dikelaskan kepada tiga (3) gred, bergantung kepada ciri-ciri gred seperti jadual berikut:-

Gred	Spesifikasi	Kelonggaran (Maksimum)
<b>Premium</b>	Ia mestilah daripada varieti yang sama, segar dan bersih. Mempunyai saiz dan kematangan yang seragam. Ia juga mestilah bebas dari kecacatan atau kerosakan.	Kematangan $\leq 5\%$ Rosak $\leq 5\%$ Kecacatan $\leq 5\%$ Keseragaman saiz $\leq 10\%$
<b>1</b>	Ia mestilah daripada varieti yang sama, segar dan bersih. Mempunyai saiz dan kematangan yang seragam. Ia juga mestilah agak bebas dari kecacatan atau kerosakan.	Kematangan $\leq 5\%$ Rosak $\leq 5\%$ Kecacatan $\leq 10\%$ Keseragaman saiz $\leq 10\%$
<b>2</b>	Ia mestilah daripada varieti yang sama, segar dan bersih. Mempunyai saiz dan kematangan yang seragam. Ia juga mestilah agak bebas dari kecacatan atau kerosakan.	Kematangan $\leq 10\%$ Rosak $\leq 10\%$ Kecacatan $\leq 10\%$ Keseragaman saiz $\leq 10\%$

4.2 Bagi Tembikai, saiz ditentukan oleh berat dalam unit kilogram (kg) sepetimana jadual berikut;

Saiz	Kod	Berat (g)
Terlalu besar	XL	$> 7.5 - 9.0$
Besar	L	$> 6.0 - 7.5$
Sedang	M	$> 4.5 - 6.0$
Kecil	S	$3.0 - 4.5$

Rujukan Standard : Specification for Fresh Water Melon 1028 : 1986

## **5. PEMBUNGKUSAN DAN PELABELAN**

### **5.1 Pembungkusan**

- 5.1.1 Tembikai daripada gred yang sama hendaklah dibungkus menggunakan bekas yang sesuai supaya dapat memberi perlindungan yang optimum daripada kerosakan semasa pengendalian dan pengangkutan.
- 5.1.2 Kertas atau bahan lain yang digunakan untuk membalut atau mengalas hendaklah bersih dan tidak akan menyebabkan kerosakan semasa pengendalian dan pengangkutan.
- 5.1.3 Berat bersih yang dibenarkan bagi satu unit pembungkusan ialah tidak melebihi 30 kg.

### **5.2 Pelabelan.**

Tiap-tiap unit pembungkusan hendaklah dilabel yang mengandungi maklumat berikut:

- 5.2.1 Tarikh
- 5.2.2 Nama/Kod Penanam
- 5.2.3 Nama/Kod Pengekspor
- 5.2.4 No. Kad Pengenalan
- 5.2.5 No. Pendaftaran Syarikat
- 5.2.6 Alamat
- 5.2.7 Komoditi
- 5.2.8 Berat bersih
- 5.2.9 Gred

## **6.0 PERSAMPELAN**

Bilangan sampel dan kaedah persampelan bagi tujuan pemeriksaan adalah berdasarkan kepada MS 78 “Method of Sampling Fresh Fruits”, atau kaedah statistik yang dipersetujui.